

Headline	Rugi cukai RM5 bilion		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	30	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	397 cm <sup>2</sup>
Journalist	Skuad Khas Harian Metro	AdValue	RM 15,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,737



AHLI panel berbincang di Persidangan Meja Bulat Isu Penjualan Rokok Seludup di Malaysia, semalam.

# Rugi cukai RM5 bilion

■ 60 peratus pasaran rokok negara dikuasai sindiket penyeludupan

Skuad Khas Harian Metro  
am@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

Sebanyak 60 peratus pasaran rokok di negara ini dikuasai sindiket penyeludupan membolehkan RM5 bilion kerugian pendapatan cukai tidak terkutip.

Pengarah Perundingan Kesan Ekonomi dari Oxford Economics berpangkalan di United Kingdom (UK) Pete Collings berkata, statistik itu menunjukkan Malaysia adalah negara paling ditembusi di dunia membolehkan rokok seludup.

Berdasarkan kajian, katanya, senario rokok seludup paling teruk berlaku di Malaysia Timur apabila pasaran rokok seludup dijuarai Sarawak yang mencatatkan penembusan 83.5 peratus diikuti Sabah 81.3 peratus.

"Di Malaysia Barat, penembusan pasaran rokok seludup tertinggi berlaku di tiga negeri pantai timur iaitu Kelantan membolehkan 78 peratus diikuti Terengganu sebanyak 76.5 peratus dan Pahang mencatatkan 72.5 peratus penguasaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan ka-

jian itu di Persidangan Meja Bulat Isu Penjualan Rokok Seludup di Malaysia, di sini, semalam.

Panel persidangan itu turut dihadiri Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Seri Akhbar Satar, Atase Siasatan Jenayah bagi Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri di Konsulat Amerika Syarikat (AS) Hong Kong, David Lum, bekas Atase Kastam UK, Kenneth Head dan Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) Datuk Charon Wardini Mokhzani.

Collings berkata, negeri tertinggi di pantai barat dikuasai pasaran rokok seludup adalah Selangor (56.4 peratus), Kedah (55.2 peratus), Pulau Pinang (54.5 peratus), Melaka (52.4 peratus), Kuala Lumpur (50.8 peratus), Perak (46.2 peratus), Johor (43.9 peratus), Negeri Sembilan (43.6 peratus) dan Perlis (39.3 peratus).

Sementara itu, Akhbar berkata, penubuhan badan bebas mengetuai pasukan petugas khas dalam mena-

ngani penjualan rokok seludup perlu disegerakan.

"Pasukan petugas khas ini perlu dianggotai pelbagai agensi kerajaan dan wakil industri untuk memastikan pencegahan penyeludupan rokok dilaksanakan secara komprehensif," katanya.

Manakala Lum bersetuju kurangnya komunikasi antara agensi menyebabkan senario penyeludupan rokok yang biasanya serentak berkaitan jenayah lain terus berleluasa.

Bagi Head pula, katanya, integriti adalah masalah utama penguat kuasa yang menjaga sempadan negara ini selain kurangnya kemudahan canggih.

"Integriti perlu bermula dari atas ke bawah. Ada anggapan jika menteri pun terbabit rasuah, mengapa saya tidak?"

"Apabila ada pegawai baharu ditempatkan, 80 peratus di situ ambil rasuah, bagaimana?"

"Sepatutnya dididik rasuah tak boleh lagi diterima, memang ini mengambil masa panjang dan Kabinet juga kena reformasi ke arah kerajaan yang bersih," katanya.

